



KENYATAAN MEDIA

UM DAN MR DIY MENGUMUMKAN KEPUTUSAN PERTANDINGAN “DIY MADE SIMPLE : GREEN SCHOOL – VERTICAL GARDEN”

KUALA LUMPUR. 13 April 2021 – Universiti Malaya (UM) dan Mr D.I.Y Sdn. Bhd. pada 7 April 2021 mengumumkan keputusan pertandingan ‘DIY Made Simple’ untuk tahun keempat penganjurannya.

Sebanyak lapan (8) buah sekolah daripada 75 buah sekolah telah memasuki peringkat akhir dan pemenang tempat pertama menerima wang tunai sebanyak RM4,500, baucar Mr. DIY bernilai RM 1,500, sijil serta trofi.

Program berbentuk “experiential learning” ini juga menerima sambutan yang menggalakkan daripada sekolah-sekolah di Malaysia dan telah mendapat sokongan padu dari Kementerian Pendidikan Malaysia.

Dengan tema “Green School- Vertical Garden” pada tahun 2020, para pelajar perlu mengemukakan pembentangan idea menggunakan medium videografik dan seterusnya membina produk dan infrastruktur menggunakan bahan buangan atau terpakai dan boleh guna semula. Pelajar mendapat bimbingan dan tunjuk ajar secara langsung oleh pensyarah dari Fakulti Alam Bina, UM. Peralatan dan kelengkapan bagi pembinaan produk ditaja oleh Mr D.I.Y.

Menurut Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) UM, Profesor Ir. Dr. Abdul Aziz Abdul Raman, tahun 2020 merupakan tahun keempat UM menerima bantuan dana dari Mr D.I.Y bagi penganjuran ini. Kerjasama strategik ini akan diteruskan lagi sehingga tahun 2022 setelah syarikat berkenaan bersetuju untuk menaja program ini melalui perjanjian yang ditandatangani tahun lepas.

“Saya amat berbangga dengan kesungguhan dan semangat yang ditunjukkan oleh sekolah-sekolah yang menyertai pertandingan ini walaupun dalam keadaan pandemik yang melanda. Saya difahamkan murid-murid mendapat tunjuk ajar dari penyelidik UM menggunakan medium dalam talian sahaja kerana kekangan perjalanan yang perlu dipatuhi”, katanya.

Pada tahun 2020, penutupan sekolah telah menyebabkan pertandingan dilanjutkan sehingga Mac 2021. Sekretariat pertandingan iaitu Pusat Komuniti dan Kelestarian UM atau UMCares telah membuat beberapa perubahan bagi menyesuaikan konsep pertandingan dengan situasi semasa dan norma baharu. Menariknya, jumlah sekolah yang menyertai pertandingan ini meningkat iaitu sebanyak 104 sekolah mendaftar pada tahun 2021.

Dalam pada itu, Pengerusi Mr. D.I.Y Group (M) Berhad, Y.Bhg. Dato' Azlam Shah Alias berkata program ini juga mempertingkatkan kemahiran insaniah (soft-skills) seperti kemahiran berkomunikasi, bekerja dalam kumpulan dan kepimpinan para peserta.

"Pertandingan ini memberi ruang dan peluang kepada pelajar dari semua peringkat pencapaian-lemah, sederhana dan cemerlang untuk bekerjasama dalam satu kumpulan. Program ini juga membuktikan kerjasama empat hala di antara universiti, kerajaan, industri dan komuniti mampu dilaksanakan dengan jayanya atas komitmen semua pihak yang terlibat," kata beliau.

Pandemik Covid-19 yang melanda tidak menghalang pertandingan rekacipta "DIY Made Simple" diteruskan. Pertandingan yang telah dianjurkan sejak 2017 oleh UM dengan kerjasama Mr D.I.Y merupakan pertandingan rekacipta untuk menambahbaik prasarana atau ruang sekolah dengan menggunakan bahan buangan dan kitar semula secara "do-it-yourself" (DIY).

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Encik Owen Yu, Pengurus Pemasaran, Periklanan & Promosi, Mr. D.I.Y Group (M) Berhad) dan Puan Rizawani Mustafa, Penolong Pengarah, Bahagian Sukan, Kokurikulum & Kesenian, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini, sila hubungi :

Mastura Mohamad Yusoff
Pegawai Perhubungan Media
Universiti Malaya
013-3773207 / 03-79677009
masturayusoff@um.edu.my

Dikeluarkan oleh:
Pejabat Komunikasi Korporat (CCO)
Aras L, Bangunan Canseleri
Universiti Malaya
50603 Kuala Lumpur
Tel: 03-7967 3238 Fax: 03-79560027 Emel: corporate@um.edu.my